



## Waspada dengan varian Arcturus, di Singapura sudah ada

Oleh Mahani Ishak - April 16, 2023 @ 6:57pm  
mahani@bh.com.my

KUALA LUMPUR: Lonjakan jangkitan disebabkan subvarian baharu COVID-19 yang digelar Arcturus, yang sedang berlaku di India disifatkan pakar akan terus menimbulkan risiko kepada orang ramai termasuk penularannya berupaya berlaku di negara ini.

Ini kerana kalangan pakar perubatan awam dan pakar virologi berpandangan jujukan XBB.1.16 daripada subvarian Omicron mempunyai gejala sama seperti sebelum ini.

Pakar Virologi Universiti Malaya (UM), Prof Dr Sazaly Abu Bakar, berkata walaupun Arcturus dikatakan mempunyai beberapa gejala unik kepada kanak-kanak, asas genetikanya masih berpandukan kepada Omicron.

"Dengan subvarian baru menular, asasnya genetikanya tetap Omicron walaupun dikatakan pakar dari India, mempunyai ciri jujukan genetik berbeza daripada varian sama sebelum ini.

"Memandangkan jujukan XBB.1.16, subvarian Omicron ditemukan di 22 negara termasuk Australia, United Kingdom, Amerika Syarikat dan negara terdekat kita, Singapura, orang ramai perlu mengambil langkah pencegahan sendiri dan perlindungan vaksin," katanya kepada BH, hari ini.

Dalam perkembangan berkaitan, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) sedang mengawasi subvarian baharu COVID-19 digelar Arcturus selepas ia mencetuskan lonjakan kes di India, baru-baru ini.

XBB.1.16 adalah 'rekombinan' dua varian Omicron, BA.2 yang lain pertama kali dikesan pada akhir Januari lalu.

Kajian makmal mendapati Arcturus yang mempunyai gejala sama seperti varian sebelum ini seperti demam, sesak nafas dan batuk berupaya meningkatkan kejangkitan serta potensi peningkatan patogenik.

Bagaimanapun pakar dari India seperti dilaporkan portal Independent, varian itu dipercayai menyebabkan peningkatan jangkitan dan membimbangkan pakar kerana ia kelihatan menunjukkan gejala unik pada kanak-kanak, dengan salah satunya konjunktivitis.

Sementara itu, pakar perubatan awam, Datuk Dr Zainal Ariffin Omar, berkata varian baharu akan terus muncul atau timbul dari semasa ke semasa dan dalam hal ini, Malaysia tidak terkecuali untuk terdedah dengan apa jua jangkitan.

"Berikutan jangkitannya sudah merebak di beberapa negara, varian baharu itu berkemungkinan juga wujud di negara kita, sama ada secara semulajadi atau disebabkan ia merebak dari negara luar.

"Jadi risiko jangkitan tetap ada terutama akan melonjak apabila berlaku musim perayaan. Justeru, orang ramai perlu sentiasa diingatkan tentang wujud COVID-19 dan bahaya jangkitan supaya terus berhati-hati dan mengamalkan langkah pencegahan," katanya.

Bagi kumpulan berisiko pula, Dr Zainal Ariffin yang juga bekas Presiden Persatuan Pakar Perubatan Kesihatan Awam Malaysia berkata, langkah terbaik adalah melengkapkan jadual imunisasi COVID-19.

"Selain itu, orang ramai dinasihatkan supaya mendapatkan pemeriksaan kesihatan dan melaporkan kepada pihak berkaitan sekiranya terdapat banyak kes di sesuatu lokasi dalam satu-satu masa.

"Jika kanak-kanak dijangkiti COVID-19, keluarganya perlu memantau keadaan kesihatan pesakit, selain tidak terlalu mendedahkan diri kepada kumpulan bergejala untuk mengelakkan daripada berjangkit," katanya.